

Lagi bot klon ditahan

PASIR PUTEH - Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) berjaya menahan sembilan nelayan warga Vietnam yang menggunakan bot klon, kelmarin.

Pengarah Maritim Kelantan, Kapten Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, nelayan berusia dari 29 hingga 51 tahun itu ditahan kapal peronda KM Jujur kira-kira 81 batu nautika dari Kuala Tok Bali jam 7.24 malam.

Menurutnya, KM Jujur yang diketuai Leftenan Komander Maritim Mohd Pazrul Niza Mohd Mustapa mengesan bot berkenaan ketika menjalankan Ops Perkasa Timur dan Ops Marikh.

"Hasil pemeriksaan, tekong mempunyai pasport negara Vietnam dan kesemua awak-awak tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

"Kita mengesyaki bot itu merupakan bot klon kendalian syarikat tertentu. Kita juga mendapat nombor

pendaftaran tidak seragam di bahagian depan kiri dan kanan," katanya.

Nurul Hizam berkata, bot itu ditunda ke Jeti Maritim Kelantan di Tok Bali di sini, untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985.

Menurutnya, nilai ram-pasan bermula RM250,000 merangkumi bot, hasil tangkapan dan peralatan

menangkap ikan.

"Dari awal Januari hingga semalam, Maritim Kelantan berjaya menahan 25 bot dan 14 daripadanya disyaki bot klon.

"Mereka mewarnakan bot seperti bot tempatan dan menggunakan nombor pendaftaran sebagaimana bot tempatan untuk kaburi pihak berkuasa," katanya.



Anggota Maritim Kelantan mengawal nelayan Vietnam yang ditahan menggunakan bot klon di Jeti Maritim, Tok Bali.